


Pelan ke Hutan Lipur Lata Kijang, Negeri Sembilan

Hutan lipur ini terletak di dalam Hutan Simpan Kenaboi. Perjalanan untuk sampai ke kawasan ini sejauh 78 km dari bandar Seremban dan 45 km dari pekan Kuala Klawang serta hanya boleh dikunjungi dengan menaiki kenderaan pacuan empat roda (4 x 4). Dengan berpandukan papan tanda Hutan Lipur, anda akan mudah sampai ke lokasi tersebut.



- Selepas simpang Jelebu, sila ikut papan tanda "XPDC Sainstifik Kepelbagaian Biologi Hutan" untuk sampai ke Hutan Lipur Lata Kijang.

PENGHARGAAN

Jawatankuasa Penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan semua pihak yang telah menyumbangkan secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan Ekspedisi Sainstifik Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung Besar Hantu, Lata Kijang, Negeri Sembilan.



EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN GUNUNG BESAR HANTU, LATA KIJANG, NEGERI SEMBILAN



TARIKH :

2-7 MEI 2010

BERTEMPAT DI :

**HUTAN LIPUR LATA KIJANG,
NEGERI SEMBILAN**

ANJURAN :

**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN**

LATAR BELAKANG

HUTAN LIPUR LATA KIJANG

Hutan Lipur Lata Kijang terletak di dalam kawasan Hutan Simpan Kenaboi. Hutan ini terdiri daripada hutan jenis Dipterokarp Bukit pada ketinggian 500m. Keunikan hutan lipur ini adalah terdapat air terjun yang mengalir dari Sungai Kering iaitu anak Sungai Kenaboi melalui tebing-tebing tinggi yang berbatu licin setinggi 80m. Terdapat juga beberapa buah gua berhampiran gunung ini seperti Gua Semong dan Gua Harimau.

Di Hutan Lipur Lata Kijang ini juga terdapat satu denai hutan untuk mendaki gunung yang tertinggi di Negeri Sembilan iaitu Gunung Besar Hantu yang berketinggian 1,462m. Selain dari itu, terdapat denai-denai dan laluan-laluan curam di sekitar air terjun yang sesuai bagi mereka yang gemarkan aktiviti lasak. Di sepanjang perjalanan juga, pengunjung-pengunjung boleh meninjau perkampungan Orang Asli yang masih mengekalkan tradisi dan budaya hidup mereka. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan di hutan lipur ini seperti berkelah, berkhemah, mandi-manda dan bersiar-siar selain dapat menghayati keindahan hutan semulajadi yang kaya dengan pelbagai tumbuhan seperti orkid-orkid liar, tumbuhan herba, paku-pakis dan palma.

OBJEKTIF

Objektif utama ekspedisi ini adalah untuk mengumpul, mendokumentasikan dan menjalankan kajian saintifik ke atas kepelbagaian biologi dan ekosistem hutan Gunung Besar Hantu. Di samping itu, data-data yang diperolehi akan dapat membantu para penyelidik, pengurus persekitaran tempatan dan pembuat dasar khususnya Kerajaan Negeri Sembilan di dalam membangun dan memelihara sumber-sumber khazanah alam semulajadi yang terkandung di dalam kawasan-kawasan tersebut.

BIDANG KAJIAN

- ◆ Mamalia Besar
- ◆ Mamalia Kecil
- ◆ Tumbuhan Tinggi
- ◆ Tumbuhan rendah/renek
- ◆ Katak/kodok
- ◆ Rama-rama/kupu-kupu
- ◆ Geologi
- ◆ Rekreasi
- ◆ Paku Pakis
- ◆ Akuatik
- ◆ Burung
- ◆ Orkid
- ◆ Riang-riang
- ◆ Palma
- ◆ Mikro organisma
- ◆ Kualiti air
- ◆ Lumut
- ◆ Papatung

HASIL EKSPEDISI

- ◆ Dokumentasi kepelbagaian dan kekayaan sumber biologi
- ◆ Data untuk memahami proses ekologi dalam habitat yang berkenaan
- ◆ Mewujudkan Pangkalan maklumat kepelbagaian biologi hutan
- ◆ Seminar 2 hari untuk membincangkan penemuan

PENYERTAAN

Penyertaan adalah atas jemputan sahaja khususnya kepada pakar-pakar dan ahli-ahli sains daripada Agensi-agensi Jabatan Kerajaan, Institut Pengajian Tinggi, Pihak swasta dan individu yang berkepentingan dalam pengurusan dan pemeliharaan kepelbagaian biologi hutan.

PROGRAM EKSPEDISI

Pendaftaran

Tarikh : 2 Mei 2010
Masa : 2.00 - 6.00 Petang
Tempat : Hutan Lipur Lata Kijang

7.00 - 8.30 mlm - Makan Malam
9.00 mlm - Taklimat Ekspedisi
- Kudapan

3 Mei 2010 (Isnin)

7.00 pg - Sarapan
9.00 pg - Majlis Perasmian Ekspedisi Saintifik
Kepelbagaian Biologi Hutan Gunung
Besar Hantu, Lata Kijang, Negeri
Sembilan
1.00 t/hari - Makan Tengahari
2.00 ptg - Ekspedisi Bermula
5.00 ptg - Minum Petang
8.00 mlm - Makan Malam
9.00 mlm - Sesi Perbincangan
- Pembentangan hasil penemuan
10.30 mlm - Kudapan

4-6 Mei 2010 (Selasa - Khamis)

7.00 pg - Sarapan
8.30 pg - Ekspedisi bermula
1.00 t/hari - Makan Tengahari
2.00 ptg - Ekspedisi Bersambung
5.00 ptg - Minum Petang
7.30 mlm - Makan malam
9.00 mlm - Sesi Perbincangan
- Pembentangan hasil penemuan
10.30 mlm - Kudapan

6 Mei 2010 (Khamis)

8.30 mlm - Majlis Penutupan
9.30 mlm - Makan Malam
10.00 mlm - Pembentangan hasil penemuan

7 Mei 2010 (Jumaat)

7.00 pg - Sarapan
8.30 pg - Bersurai

PENGINAPAN

Penginapan peserta disediakan oleh pihak penganjur secara berkhemah di Hutan Lipur Lata Kijang, Negeri Sembilan. Peserta dikehendaki membawa peralatan-peralatan lain untuk keperluan sendiri.